



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid 40 No. 1

# S1

Suku Pertama 2025

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

# Kandungan

- 03 Sorotan Penting
- 04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
- 05 Perkembangan Ekonomi Malaysia
- 10 Perkembangan Monetari dan Kewangan
- 13 Pertimbangan Dasar
- 14 Tinjauan Makroekonomi
- 20 Tambahan

# Sorotan Penting bagi S1 2025

## KDNK meningkat sebanyak 4.4%

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan?



### Perbelanjaan isi rumah yang mampan

Penggunaan Swasta: 5 % (S4 2024: 5.3%)



### Pengembangan yang stabil dalam aktiviti pelaburan

Pembentukan Modal Tetap Kasar: 9.7% (S4 2024: 11.8%)



### Pertumbuhan permintaan luaran berterusan

Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 4.1% (S4 2024: 8.7%)

## Peningkatan berterusan dalam pasaran pekerja



### Kadar Pengangguran

3.1%  
(S4 2024: 3.2%)



### Gaji Nominal Sektor Swasta

3.3%  
(S4 2024: 3.1%)

## Inflasi keseluruhan menurun kepada to 1.5%

Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi inflasi?



### Inflasi utiliti yang lebih rendah disebabkan oleh kesan tarif yang lebih tinggi pada tahun 2024 telah luput

Inflasi utiliti : 3%  
(S4 2024: 18.1%)



### Inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih yang lebih rendah, susulan penurunan harga bagi pelan pascabayar terpilih

Inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih: -13.5%  
(S4 2024: -10%)



### Inflasi sewa yang lebih tinggi

Inflasi sewa sebenar yang dibayar oleh penyewa: 2.1%  
(S4 2024: 1.7%)

## Ringgit kekal stabil berbanding mata wang rakan dagangan



### Ringgit NEER

0.01%  
(S4 2024: -3.4%)



### Indeks Dolar AS


-4.1%  
(S4 2024: 7.6%)

# Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

## Prestasi Ekonomi Global

### Pertumbuhan global berterusan pada S1 2025


**KDNK ekonomi terpilih,**  
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

### Perkembangan perdagangan serantau bercampur-campur

**Eksport ekonomi terpilih,**  
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

### Sorotan


- Pertumbuhan global berterusan**, disokong oleh permintaan dalam negeri berikutan keadaan pasaran pekerja yang positif. Di China, pertumbuhan disokong oleh penggunaan yang didorong oleh fiskal serta pembelian eksport yang dipercepat. Manakala di AS, pertumbuhan menjadi sederhana disebabkan oleh aktiviti import yang dipercepat oleh pengimport serta aktiviti penggunaan yang lebih perlahan.
- Perkembangan perdagangan bercampur-campur**, berikutan pertumbuhan eksport yang didorong sebahagiannya oleh aktiviti yang dipercepat untuk beberapa produk dan ekonomi, manakala kadar pertumbuhan eksport menjadi sederhana bagi produk dan ekonomi lain.
- Inflasi keseluruhan menjadi sederhana**, terutamanya dalam ekonomi sedang pesat membangun disebabkan oleh harga makanan yang lebih rendah. Sementara itu, inflasi di negara maju meningkat sedikit berikutan harga tenaga yang lebih tinggi serta faktor-faktor idiosinkratik yang menyebabkan kenaikan harga makanan.
- Harga minyak mentah Brent meningkat sedikit** kepada USD75 setong pada S1 2025 (S4 2024: USD74 setong) berikutan sekatan perdagangan yang lebih ketat oleh AS terhadap Iran dan Venezuela, diimbangi oleh jangkaan peningkatan bekalan minyak OPEC+ disebabkan oleh pengurangan pemotongan pengeluaran sukarela secara berperingkat.

## Perkembangan Ekonomi Malaysia

# Keluaran Dalam Negeri Kasar

### KDNK meningkat sebanyak 4.4% pada S1 2025


Keluaran dalam negeri kasar,  
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Ekonomi meningkat sebanyak 0.7% pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim

Keluaran dalam negeri kasar,  
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S1 2025?



Perbelanjaan isi rumah yang mampan berikutan keadaan pasaran pekerja dan sokongan dasar yang positif



Pengembangan aktiviti pelaburan yang stabil



Pertumbuhan eksport yang berterusan disokong oleh eksport E&E yang kukuh dan aktiviti pelancongan

### Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S1 2025?



Pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah



Jualan dan pengeluaran kenderaan motor berkurang berikutan kesan asas yang tinggi

# Perkembangan Ekonomi Malaysia

## Prestasi Ekonomi Malaysia

### Permintaan dalam negeri yang mampan

Perubahan tahunan, %

#### Penggunaan Swasta



**5%**  
(S4 2024: 5.3%)

Pasaran pekerja dan sokongan dasar yang positif

#### Pelaburan Swasta



**9.2%**  
(S4 2024: 12.7%)

Pertumbuhan pelaburan struktur dan perbelanjaan jentera dan kelengkapan yang stabil

#### Penggunaan Awam



**4.3%**  
(S4 2024: 4%)

Perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi

#### Pelaburan Awam



**11.6%**  
(S4 2024: 10%)

Perbelanjaan aset tetap yang lebih kukuh oleh Kerajaan dan syarikat awam

#### Eksport Bersih



**19.6%**  
(S4 2024: 63.6%)

Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan berikutan eksport perlombongan yang lebih rendah

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Pertumbuhan disokong terutamanya oleh sektor perkhidmatan

Perubahan tahunan, %

#### Perkhidmatan



**5%**  
(S4 2024: 5.5%)

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan Kerajaan dan perdagangan runcit, dalam keadaan jualan kenderaan motor yang lebih rendah

#### Perkilangan



**4.1%**  
(S4 2024: 4.2%)

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perkilangan dalam perkhidmatan berorientasikan eksport, mengimbangi penguncupan pengeluaran kenderaan bermotor

#### Pertanian



**0.6%**  
(S4 2024: -0.7%)

Pertumbuhan yang lebih kukuh bagi subsektor perikanan dan pertanian lain, mengimbangi penguncupan dalam pengeluaran kelapa sawit

#### Perlombongan



**-2.7%**  
(S4 2024: -0.7%)

Pengeluaran minyak dan gas asli yang lebih rendah

#### Pembinaan



**14.2%**  
(S4 2024: 20.7%)

Pertumbuhan kukuh yang berterusan didorong oleh subsektor bukan kediaman dan pertukangan khas

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

# Perkembangan Ekonomi Malaysia

## Keadaan Pasaran Pekerja


### Pasaran pekerja terus bertambah baik

- Kadar pengangguran menurun lagi kepada 3.1% pada S1 2025. (S4 2024: 3.2% daripada tenaga kerja)
- Guna tenaga meningkat kepada 16.7 juta orang pada S1 2025 (S4 2024: 16.6 juta orang) berikutan permintaan pekerja yang berterusan.
- Bekalan tenaga kerja kekal menggalakkan apabila kadar penyertaan tenaga kerja meningkat lagi kepada 70.7% pada S1 2025 (S4 2024: 70.6%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Kadar pengangguran rendah


Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


### Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta, Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Upah nominal mengikut sektor, Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


# Perkembangan Ekonomi Malaysia

## Trend inflasi

### Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal sederhana pada S1 2025

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.5% dan inflasi teras meningkat sedikit kepada 1.9%.
- Inflasi yang lebih rendah dicatatkan pada S1 2025 bagi bekalan air dan perkhidmatan komunikasi mudah alih. Walau bagaimanapun, hal ini diimbangi sebahagiannya oleh inflasi yang lebih tinggi untuk sewaan.

#### Inflasi keseluruhan dan inflasi teras, Perubahan tahunan, %




### Item Indeks Harga Pengguna (IHP) Terpilih

**Utiliti**  
(Wajaran: 4.7%)



**Perkhidmatan komunikasi mudah alih**  
(Wajaran: 2.7%)



**Sewa benar yang dibayar oleh penyewa**  
(Wajaran: 17.7%)




Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

### Inflasi terus meluas pada S1 2025, walaupun kekal sejajar dengan norma yang pernah dicatatkan sebelum ini

- Meskipun terdapat sedikit peningkatan dalam bilangan item IHP yang mencatatkan kenaikan harga pada suku pertama, trend ini kekal sejajar dengan norma sebelum ini.
- Khususnya, inflasi yang meluas ini mencerminkan pelarasan harga bermusim yang lazimnya dilaksanakan pada awal tahun.

#### Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan, Bahagian, %



Nota: Data mulai tahun 2025 mencerminkan tambahan item baru dalam item IHP berdasarkan HIES 2022.  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

# Perkembangan Ekonomi Malaysia

## Perkembangan Sektor Luaran

### Pertumbuhan eksport dan import yang berterusan



**Eksport Kasar**

**4.4%**  
S4 2024: 7.3%

Pertumbuhan eksport E&E yang kukuh dipengaruhi oleh eksport perlombongan yang lebih rendah



**Import Kasar**

**2.8%**  
S4 2024: 5.3%

Import modal yang kukuh diimbangi oleh import perantaraan yang lebih perlahan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Lebih akaun semasa yang lebih besar serta aliran keluar dalam akaun kewangan



Akaun Semasa  
**RM 16.7 bilion; 3.4% daripada KDNK**  
(S4 2024: RM12.9 bilion; 2.6%)

#### Faktor pendorong utama

- Lebih barangan yang lebih tinggi disebabkan oleh import yang lebih rendah dalam keadaan eksport E&E yang lebih kukuh.
- Defisit pendapatan sekunder yang lebih kecil.

#### Diimbangi sebahagiannya oleh

- Defisit yang lebih besar dalam akaun perkhidmatan disebabkan oleh baki perkhidmatan perkilangan yang lebih rendah.
- Defisit akaun pendapatan utama yang berterusan.



Akaun Kewangan  
**Aliran keluar bersih RM 20.3 bilion**  
(S4 2024: Aliran keluar RM9.3 bilion)

#### Faktor pendorong utama

- Aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio disebabkan terutamanya oleh pelaburan pemastautin dalam sekuriti hutang dan ekuiti di luar negara.

#### Yang mengimbangi

- Aliran masuk bersih dalam pelaburan langsung disebabkan oleh aliran masuk bersih yang berterusan dalam pelaburan langsung asing (FDI) berikutan pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang lebih rendah.
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan lain yang disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

### Hutang luar negeri yang lebih tinggi

**RM1.38 trilion atau 70.5% daripada KDNK**  
(S4 2024: RM1.35 trilion atau 69.9% daripada KDNK)

- Peminjaman antara bank yang lebih tinggi, khususnya untuk tujuan mudah tunai dan pendanaan kedudukan kewangan.
- Kredit perdagangan yang lebih besar terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan.

#### Hutang luar negeri kekal terurus

% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang  
Tempoh Matang

**Dalam denominasi ringgit: 30.8%**

Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran asing.

**Dalam denominasi mata wang asing: 69.2%**

yang 59.6% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 19.3% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.

**Jangka sederhana dan panjang: 56.4%**

Risiko pelanjutan terhad.

**Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih** **RM37.8 bilion**  
(S4 2024: -RM11.7 bilion)

**Rizab Antarabangsa<sup>1</sup>** **USD118.7 bilion**  
(S4 2024: USD116.2 bilion)

- **4.9 bulan<sup>2</sup>** import barangan dan perkhidmatan
- **0.9 kali** hutang luar negeri jangka pendek

<sup>1</sup> Pada 30 April 2025.

<sup>2</sup> Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang diterbitkan pada 8 Mei 2025, kerana mencerminkan data terkini S1 2025 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


# Perkembangan Monetari dan Kewangan

## Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

### Ringgit secara keseluruhannya kekal stabil berbanding mata wang rakan dagangan utama pada suku pertama

Ringgit menambah nilai berbanding dolar AS berikutan ketidakpastian dasar perdagangan AS yang menyebabkan jangkaan pertumbuhan ekonomi AS yang lebih perlahan

#### Prestasi ringgit berbanding mata wang utama terpilih lain % suku tahun ke suku tahun dan tahun ke tahun



Nota: \*Setakat 14 Mei 2025  
NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal ringgit yang mengukur prestasi ringgit berbanding sekumpulan mata wang rakan dagangan utama Malaysia.  
Sumber: Bank Negara Malaysia

### Perkembangan pasaran kewangan domestik sebahagian besarnya didorong oleh faktor-faktor luaran



#### Kadar hasil bon yang lebih rendah

selaras dengan kadar hasil bon global, berikutan aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik

**Kadar Hasil MGS 10 tahun**  
**-5 mata atas**  
(S4 2024: +11 mata asas)



#### Pasaran ekuiti menurun

berikutan aliran keluar asing bersih yang didorong oleh penghindaran risiko dalam kalangan pelabur berikutan ketidakpastian perdagangan dan dasar AS

**KLCI**  
**-7.8% suku tahun ke suku tahun**  
(S4 2024: -0.4%)

### Faktor-faktor utama yang mendorong penghindaran risiko



**Penempatan semula dana kepada aset selamat** berikutan ketidakpastian berhubung dengan dasar-dasar perdagangan oleh pentadbiran AS



**Kebimbangan yang meningkat berhubung dengan potensi ekonomi global menjadi lembap** berikutan jangkaan pelaksanaan tarif perdagangan oleh AS


Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP dan Bursa Malaysia

## Perkembangan Monetari dan Kewangan

# Kadar Faedah dan Mudah Tunai

### Kadar antara bank dan kadar pinjaman purata menurun pada S1 2025

Kadar faedah,  
Pada akhir tempoh, %




- **KLIBOR 3 bulan menurun** pada suku pertama berikutan pelonggaran keadaan pembiayaan antara bank secara beransur-ansur di samping persaingan deposit akhir tahun bermusim pada tahun 2024 semakin reda.
- **Kadar deposit tetap (FD) runcit secara amnya kekal stabil** merentas tempoh antara 1 hingga 12 bulan pada suku pertama.
- **Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit** pada suku pertama, terutamanya bagi pinjaman perniagaan berikutan kematangan pinjaman kadar tetap yang berkadar lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

### Tahap mudah tunai sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,  
Pada akhir tempoh, RM bilion



- **Jumlah mudah tunai sistem perbankan meningkat sedikit** pada akhir suku pertama berikutan suntikan mudah tunai yang lebih tinggi oleh BNM.
- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebih penempatan dana semalaman di BNM pada akhir bulan Mac 2025.
- Penurunan nisbah SRR daripada 2% kepada 1%, berkuat kuasa pada 16 Mei 2025, akan menambahkan mudah tunai secara meluas sebanyak kira-kira RM19 bilion ke dalam sistem perbankan. Pelarasan ini akan memudahkan pengurusan mudah tunai yang berkesan oleh bank-bank dan memberikan sokongan berterusan untuk aktiviti pengantaraan kewangan.


Sumber: Bank Negara Malaysia

## Perkembangan Monetari dan Kewangan

# Keadaan Kredit

### Pertumbuhan kredit meningkat berikutan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam bon korporat terkumpul

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan, Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



Sumber: Bank Negara Malaysia

### Perkembangan utama

#### Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan<sup>1</sup>

**5.5%**

S4 2024: 5.2%

- Pertumbuhan pinjaman terkumpul<sup>2</sup> kekal stabil pada 5.6% (S4 2024: 5.6%) berikutan pertumbuhan mampan dalam pinjaman perniagaan dan isi rumah.
- Bon korporat terkumpul berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 5.3% (S4 2024: 3.4%) berikutan pertumbuhan mampan dalam penerbitan bon.

#### Pinjaman Perniagaan

**4.8%**

S4 2024: 5.1%

- Pinjaman perniagaan terkumpul berkembang sebanyak 4.8% berikutan pertumbuhan pinjaman modal kerja yang lebih tinggi.
- Permintaan pembiayaan kekal menggalakkan, khususnya dalam kalangan PKS, dengan tahap permohonan yang mampan merentas tujuan pinjaman.

#### Pinjaman Isi Rumah

**6%**

S4 2024: 5.9%

- Pinjaman isi rumah meningkat sebanyak 6.0% berikutan pertumbuhan yang secara amnya stabil merentas kebanyakan tujuan pinjaman.
- Permintaan bagi pinjaman isi rumah juga kekal menggalakkan dengan tahap permohonan pinjaman yang mampan.

<sup>1</sup> Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan

<sup>2</sup> Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)  
Sumber: Bank Negara Malaysia

# Pertimbangan Dasar

## Sorotan

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3% pada mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2025, dan juga pada mesyuarat MPC bulan Mei 2025 baru-baru ini.
- Secara berasingan, BNM telah melaraskan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) bagi memudahkan bank-bank untuk menguruskan mudah tunai dan menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.

## Dasar monetari kekal konsisten dengan penilaian semasa berhubung prospek ekonomi dalam negeri

MPC mengekalkan OPR pada 3% sepanjang suku pertama dalam mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2025, dan juga pada mesyuarat MPC bulan Mei baru-baru ini.

Pada mesyuarat bulan Mei, penunjuk terkini menunjukkan pertumbuhan dan perdagangan global yang berterusan, disokong oleh permintaan dalam negeri dan aktiviti yang dipercepat (*front-loading activities*). MPC menilai bahawa prospek pertumbuhan global akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, dasar monetari yang kurang ketat dan rangsangan fiskal. Walau bagaimanapun, langkah-langkah tarif yang diumumkan oleh AS dan tindakan balas telah melemahkan prospek pertumbuhan dan perdagangan global. Prospek ini kekal tertakluk pada ketidakpastian yang ketara, termasuk hasil rundingan

perdagangan dan ketegangan geopolitik. Ketidakpastian ini juga boleh menyebabkan volatiliti pasaran kewangan global yang lebih ketara.

Bagi Malaysia, kegiatan ekonomi terus berkembang pada suku pertama, didorong oleh permintaan dalam negeri yang mampan dan pertumbuhan eksport yang berterusan. Pada masa hadapan, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan ketidakpastian dasar global yang ketara akan menjejaskan sektor luaran. Walau bagaimanapun, permintaan yang berterusan terhadap barangan elektrik dan elektronik serta perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi akan menampung eksport. Secara keseluruhan, pertumbuhan dijangka berteraskan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Pertumbuhan guna tenaga dan upah, khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri, berserta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Pengembangan aktiviti pelaburan akan diteruskan oleh projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di bawah beberapa pelan induk nasional. Secara keseluruhan, MPC menilai bahawa imbalan risiko kepada prospek pertumbuhan cenderung untuk menjadi perlahan, berpunca terutamanya daripada ekonomi rakan-rakan dagangan utama yang semakin lembap susulan sekatan dan tindakan balas perdagangan, sentimen yang lebih lemah berikutan ketidakpastian yang lebih tinggi boleh menjejaskan perbelanjaan dan pelaburan serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Sementara itu, hasil rundingan perdagangan yang menggalakkan dan dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju serta aktiviti pelancongan yang lebih giat boleh meningkatkan prospek pertumbuhan Malaysia.

## Pertimbangan Dasar

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata pada 1.5% dan 1.9% pada suku pertama tahun 2025. Secara keseluruhan, inflasi pada tahun 2025 dijangka kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang sederhana dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri yang berlebihan. Harga komoditi global dijangka terus menunjukkan trend menurun, lantas menyumbang kepada keadaan kos yang sederhana. Dalam persekitaran ini, kesan keseluruhan langkah-langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang diumumkan terhadap inflasi dijangka terkawal. Risiko kepada inflasi akan bergantung pada tahap kesan limpahan langkah-langkah dasar dalam negeri serta perkembangan luaran berhubung dengan harga komoditi global, pasaran kewangan dan dasar perdagangan.

Prestasi ringgit akan terus didorong terutamanya oleh faktor luaran. Prospek ekonomi Malaysia dan pembaharuan struktur dalam negeri yang menggalakkan, berserta inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan aliran dana, akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari adalah konsisten dengan penilaian semasa tentang prospek inflasi dan pertumbuhan. Menyedari adanya risiko pertumbuhan menjadi perlahan dalam persekitaran ekonomi, MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan. MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

### **Secara berasingan, BNM telah menurunkan nisbah SRR untuk memudahkan bank-bank menguruskan mudah tunai dan menyediakan sokongan berterusan untuk aktiviti pengantaraan kewangan**

Pada 8 Mei 2025, BNM mengumumkan bahawa nisbah SRR akan diturunkan sebanyak 100 mata asas, iaitu daripada 2% kepada 1%, berkuat kuasa 16 Mei 2025.

Keputusan untuk mengurangkan SRR akan memudahkan bank-bank untuk menguruskan mudah tunai dengan lebih baik dalam persekitaran volatiliti pasaran kewangan yang lebih tinggi serta menyediakan sokongan yang berterusan terhadap aktiviti pengantaraan kewangan. Penurunan SRR akan menambah mudah tunai bernilai kira-kira RM19 bilion ke dalam sistem perbankan.

SRR merupakan instrumen untuk menguruskan mudah tunai dan tidak memberikan isyarat tentang pendirian dasar monetari. OPR ialah satu-satunya penunjuk yang digunakan untuk memberikan isyarat tentang pendirian dasar monetari.

---

## Prospek pertumbuhan global menjadi perlahan susulan pengumuman langkah tarif AS dan tindakan balas

### Ekonomi Global:

- Secara asasnya, pertumbuhan global akan terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan dasar monetari yang kurang ketat.
- Walau bagaimanapun, pengumuman langkah tarif oleh AS dan tindakan balas telah menyebabkan prospek pertumbuhan global menjadi perlahan.
- Kesan tarif perdagangan dijangka akan sebahagiannya diimbangi oleh rangsangan fiskal yang dilaksanakan oleh ekonomi-ekonomi utama.

### Perdagangan Global:

- Pertumbuhan perdagangan global dijangka menjadi sederhana sepanjang tahun ini, sejajar dengan perkembangan ketegangan perdagangan.
- Walau bagaimanapun, permintaan berterusan terhadap E&E dijangka terus menyokong perdagangan global secara keseluruhan. Keadaan ini seiring dengan pendorong struktur lain seperti peningkatan penggunaan teknologi, pelaburan dalam peralihan karbon rendah serta perdagangan antara rantau yang berterusan.

---

## Prospek ini tertakluk pada ketidakpastian yang tinggi disebabkan oleh rundingan perdagangan dan ketegangan geopolitik

- **Risiko pertumbuhan menjadi perlahan** berpunca daripada kegagalan rundingan perdagangan dan konflik geopolitik yang semakin meruncing. Ketidakpastian sedemikian juga boleh menyebabkan volatiliti yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan global.
- **Potensi pertumbuhan menjadi tinggi** boleh berpunca daripada prospek rundingan perdagangan yang berjaya dan dasar yang menyokong pertumbuhan di ekonomi-ekonomi utama.

## Tinjauan Ekonomi Dalam Negeri

### Ketegangan perdagangan dan ketidakpastian dasar global yang semakin meningkat akan mempengaruhi prospek pertumbuhan Malaysia pada tahun 2025

- Peningkatan ketegangan perdagangan akan memberikan kesan pada prospek pertumbuhan dalam negeri terutamanya melalui saluran perdagangan. Hal ini berikutan permintaan global yang terjejas disebabkan ketidakpastian dasar. Kesannya, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sedikit perlahan berbanding dengan unjuran awal sebanyak 4.5%–5.5%. Ketidakpastian yang tinggi berhubung dengan keputusan rundingan perdagangan dan cara keputusan ini mempengaruhi perdagangan global menyebabkan kesukaran dalam menilai kesannya ke atas ekonomi Malaysia secara tepat pada masa ini. Julat unjuran baharu akan dikeluarkan apabila faktor-faktor ini menjadi lebih jelas.
- Walau bagaimanapun, kesan daripada penerapan tarif AS boleh dibendung sebahagiannya oleh aktiviti eksport yang dipercepat (*frontloading*) sebelum pelaksanaan tarif, di samping ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Selain itu, sokongan daripada permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus menjadi teras pertumbuhan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia


### Risiko cenderung ke arah pertumbuhan menjadi perlahan

- **Risiko pertumbuhan menjadi perlahan** semakin meningkat. Risiko-risiko ini meliputi kelembapan ekonomi yang semakin ketara dalam kalangan rakan-rakan dagangan utama dan sentimen yang lebih lemah berikutan ketidakpastian yang semakin meningkat yang mempengaruhi perbelanjaan dan pelaburan. Selain itu, risiko pertumbuhan menjadi perlahan juga mungkin berpunca daripada pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan disebabkan oleh gangguan dalam subsektor minyak dan gas.
- **Potensi pertumbuhan menjadi tinggi** pula meliputi permintaan luaran yang lebih tinggi berikutan keputusan rundingan perdagangan yang positif dan dasar yang menyokong pertumbuhan di ekonomi utama serta aktiviti pelancongan yang lebih giat.

## Keadaan Permintaan Dalam Negeri

### Perbelanjaan isi rumah yang berterusan berikutan keadaan pasaran pekerja yang mampan dan sokongan dasar yang lebih tinggi

Upah dan Guna Tenaga Sektor Swasta  
Indeks, S4 2019=100




- **Perbelanjaan isi rumah** dijangka terus berkembang.
- Rintangan luaran mungkin memberi kesan terhadap pendapatan dalam sektor berorientasikan eksport. Walau bagaimanapun, guna tenaga dan pendapatan dijangka terus berkembang, khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Selain itu, langkah-langkah dasar termasuk kenaikan gaji untuk penjawat awam dan kenaikan kadar gaji minimum akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan pendapatan secara keseluruhan.
- Selain itu, bayaran wang tunai bersasar seperti Sumbangan Tunai Rahmah akan terus disediakan untuk menyokong isi rumah berpendapatan rendah.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan akan menyokong pertumbuhan pelaburan

Jumlah Kelulusan Pelaburan Asing dan Domestik oleh MIDA

RM bilion



- **Prospek pelaburan** dijangka terus mampan, disokong oleh pelaksanaan berterusan projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam.
- Pelaksanaan lanjut bagi pelaburan yang telah diluluskan pada tahun 2024, dengan bahagian yang lebih besar disumbangkan oleh pelabur domestik (2024: 55%; 2023: 43%) serta ekosistem pelaburan yang mantap, akan memberikan sokongan terhadap daya tahan aktiviti pelaburan.
- Kesemua faktor ini dijangka dapat mengurangkan sebahagian daripada kesan kelewatan, penangguhan atau pembatalan pelaburan, khususnya oleh syarikat berorientasikan eksport berikutan peningkatan ketidakpastian global.


Sumber: MIDA

## Prospek Makroekonomi

# Keadaan Permintaan Luaran

### Pertumbuhan eksport diunjur sederhana, namun sektor E&E akan memberikan sedikit sokongan

**Pertumbuhan eksport kasar**  
Perubahan tahunan, %




- **Prospek eksport menjadi lebih sederhana** berikutan ketegangan perdagangan yang semakin meningkat.
- Selain itu, eksport berkaitan komoditi dijangka menurun disebabkan aktiviti penyelenggaraan dan harga komoditi yang lebih rendah.
- Walau bagaimanapun, eksport E&E dijangka menyokong pertumbuhan eksport berikutan permintaan yang berterusan terhadap produk E&E susulan pengecualian tarif terhadap semikonduktor dan permintaan berkaitan AI. Tambahan lagi, peranan penting Malaysia dalam rantaian nilai global akan menyumbang kepada daya tahan sektor E&E.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Sektor pelancongan yang terus berkembang dijangka menyokong eksport

**Ketibaan mengikut kewarganegaraan**  
% daripada tahun 2019



- **Aktiviti pelancongan ke dalam negeri akan terus menyokong eksport pada tahun 2025**, didorong oleh peningkatan ketersambungan penerbangan, pengecualian visa serta aktiviti promosi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.
- Ketibaan pelancong dari China dijangka berterusan disebabkan oleh liberalisasi visa, kerjasama pelancongan antara Malaysia dengan China, serta pengenalan laluan penerbangan terus yang baharu. Walau bagaimanapun, terdapat risiko permintaan menurun berikutan pendapatan dan permintaan pelancongan yang lebih rendah akibat ketegangan perdagangan yang berterusan.

Sumber: Tourism Malaysia

# Tinjauan Inflasi

## Inflasi pada tahun 2025 dijangka kekal sederhana

- Inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana pada tahun 2025, berpurata antara 2%–3.5% berikutan kos global yang semakin menurun. Inflasi teras juga dijangka kekal terkawal antara 1.5%–2.5% memandangkan tiada permintaan dalam negeri yang berlebihan. Sama seperti prospek ekonomi, sebarang perubahan pada julat unjuran terdahulu akan dikeluarkan apabila perkembangan luaran menjadi lebih jelas.
- Harga komoditi global dijangka lebih rendah, lantas menyumbang kepada tekanan inflasi menurun selanjutnya. Beberapa dasar berkaitan gaji yang baru diperkenalkan akan menyokong permintaan, meskipun kesan terhadap inflasi dijangka terhad.
- Pada separuh kedua tahun 2025, langkah-langkah dasar dalam negeri seperti rasionalisasi subsidi bahan api mungkin menyebabkan sedikit tekanan kenaikan harga. Walau bagaimanapun, kesan keseluruhan dijangka kekal terkawal.

## Risiko kekal bergantung pada perkembangan global yang terus berubah serta faktor dasar dalam negeri

